

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM
(SARATOK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2016

Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tanda aras yang diguna pakai dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara untuk terus berdaya saing dalam keadaan iklim ekonomi global yang tidak menentu pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertumbuhan ekonomi negara diukur melalui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) merupakan tanda aras utama yang menggambarkan prestasi

ekonomi sesebuah negara sama ada berada dalam keadaan baik atau sebaliknya. KDNK adalah jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perangkaan terikini, dalam tempoh suku keempat tahun 2015, ekonomi negara terus berkembang dengan KDNK benar mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% (S3 2015: 4.7%) meskipun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Pertumbuhan yang menggalakkan ini disokong oleh ekonomi domestik yang kekal kukuh serta prestasi perdagangan luar negeri yang bertambah baik terutamanya dalam tempoh separuh kedua. Permintaan domestik terus berdaya tahan dengan sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.9%. Eksport kasar mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.1% kepada RM211.7 bilion (S3 2015: 5.5%; RM199.9 bilion), disokong oleh peningkatan permintaan global bagi barangan pembuatan (12.5%) terutamanya produk elektrik dan elektronik (E&E), barangan perkilangan logam serta jentera, perkakasan dan peralatan. Dengan mengambil kira prestasi suku keempat 2015, KDNK bagi keseluruhan tahun 2015

mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 5% dengan nilai semasa sebanyak RM1.06 trilion dan mencapai sasaran seperti yang diunjur semasa pembentangan Bajet 2016 antara 4.5% hingga 5.5%.

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dinafikan sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu boleh memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Ini termasuk akibat pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kalangan ekonomi negara membangun seperti China; ketidaktentuan pasaran kewangan global; serta kejatuhan harga komoditi yang berterusan terutamanya harga minyak mentah dunia. Sungguhpun demikian, kesan ini dijangka memberi impak yang tidak ketara kepada negara kita memandangkan struktur ekonomi yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh asas ekonomi yang meluas, kekukuhan daya tahan dan peningkatan daya saing.

Jumlah pelaburan langsung asing (FDI) mencatat peningkatan aliran bersih sebanyak RM39.5 bilion dalam tahun 2015 lebih tinggi

berbanding tahun 2014 sebanyak RM35.3 bilion mencerminkan sentimen pelabur yang positif menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik. Selain itu, Malaysia juga telah memperbaiki kedudukannya dalam Global Competitiveness Report 2015 - 2016 daripada tangga ke-20 ke tangga ke-18 menjadikan Malaysia antara 20 negara paling berdaya saing di dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah dan sentiasa mengambil langkah pengurusan makroekonomi yang pragmatik bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi di samping memastikan kemampanan kedudukan kewangan negara. Malahan, Kerajaan juga turut memastikan bahawa pasaran pertukaran mata wang negara berada dalam keadaan yang teratur untuk menyokong kegiatan ekonomi. Pada 28 Januari 2016 yang lalu, Kerajaan telah mengambil langkah pengubahsuaian Bajet 2016 berikutan penurunan harga minyak mentah yang mendadak. Antara langkah yang diumumkan termasuk:

- memastikan pertumbuhan ekonomi terus mapan meskipun berdepan ketidaktentuan ekonomi global dipacu oleh aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta serta penambahbaikan sektor luar terutamanya aktiviti eksport;
- terus memberi komitmen terhadap konsolidasi fiskal dengan meningkatkan hasil Kerajaan, mengoptimumkan perbelanjaan dan memberi keutamaan kepada perbelanjaan pembangunan;
- dasar polisi kewangan yang akomodatif; dan
- memberi tumpuan kepada ekonomi berpaksikan rakyat.

Langkah-langkah ini dijangka akan memantapkan lagi asas ekonomi, daya saing dan kemapanan ekonomi negara di samping memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui pelbagai inisiatif ini, Kerajaan yakin ekonomi negara akan terus berkembang disokong oleh asas ekonomi yang meluas, kekukuhan daya tahan dan peningkatan daya saing serta kedudukan kewangan negara

yang mapan. Sehubungan itu, Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2016 dijangka kekal kukuh dan akan mencapai sasaran antara 4% hingga 4.5%.